

SekitarJPA

Kupasan Perjalanan Transformasi JPA

Edisi 15: 1—15 Sept 2015



MENARIK DI DALAM

- Program *Transhare*
Transformasi Pengurusan
Tertinggi JPA2
- Lawatan Isteri Pegawai-
pegawai Tertinggi Kerajaan
ke JPA3
- Lawatan Delegasi
Pertukaran Belia Malaysia-
Korea Selatan 20154



PERHIMPUNAN BULANAN JPA BAGI BULAN SEPTEMBER

Pada 14 September 2015, telah berlangsung Perhimpunan Bulanan JPA bagi bulan September. Perhimpunan Bulanan pada kali ini bertemakan JPA@Global merupakan anjuran Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Dasar.

Pemilihan tema ini bertepatan dengan peranan penting JPA dalam menjayakan kepengerusian ASEAN pada kali ini di samping menanti hari pengumuman Komuniti ASEAN 2015 sempena Sidang Kemuncak ASEAN yang ke-27 pada 21 November 2015. Selain itu, inilah peluang untuk melihat kedudukan JPA di persada global.

JPA merupakan agensi awam pertama yang berjaya melaksanakan *Blue Ocean Leadership* atau B.O.L. di dunia. Inisiatif B.O.L. yang dilaksanakan oleh INTAN ini asalnya dari luar negara melalui karya dua tokoh tersohor Prof. W. Chan Kim dan Prof. Renee Mauborgne.

Di peringkat ASEAN, JPA bertindak sebagai *focal point* bagi ASEAN Conference on Civil Service Matters atau ACCSM sejak

penubuhannya pada tahun 1995.

JPA juga telah berjaya dalam misi untuk mengemukakan dan melobi cadangan pelaksanaan ASEAN Heads of Civil Service Retreat, ASEAN Civil Service Innovation Conference dan ASEAN Civil Service Games sewaktu Persidangan Ketua-ketua Perkhidmatan Awam ASEAN mengenai Perkhidmatan Awam atau ACCSM yang ke-17 di Yangon, Myanmar. Ketiga-tiga program yang dicadangkan ini adalah merupakan yang pertama seumpamanya diadakan dalam kalangan negara ASEAN dan telah dipersejui secara sebulat suara.

Selain itu, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam mengucapkan syabas kepada warga JPA yang akan bertugas dalam program-program ASEAN. Sebanyak 1a pa n Jawatankuasa Kerja yang melibatkan lebih 200 orang pegawai JPA telah ditubuhkan. Malah penganjuran ini juga melibatkan penglibatan penjawat awam merentasi bahagian di JPA dan agensi serta Kementerian.



LAWATAN KSN DAN KPPA KE PROJEK PERUMAHAN PENJAWAT AWAM 1MALAYSIA

Pada 11 September 2015, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa telah melawat Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia di Presint 6, Putrajaya. Tan Sri Dr. Ali Hamsa yang merupakan pengurus Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) menegaskan bahawa kerajaan sentiasa berusaha dengan memperkenalkan beberapa inisiatif bagi memastikan kakitangan awam dapat membeli kediaman dengan harga berpatutan. Kerajaan menyasarkan untuk membina 70,000 unit Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) tahun hadapan. Setakat ini, sebanyak 30,000 unit rumah PPA1M termasuk 13,362 unit di Putrajaya sedang dalam proses pembinaan sejak projek itu dilancarkan pada 2013.

Kediaman PPA1M yang berkeluasan antara 1,000 sehingga 1,500 kaki persegi dijual kepada penjawat awam dengan harga antara RM150,000 sehingga RM300,000 dan di bawah nilai pasaran semasa iaitu RM700,000. Pada April lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan Kerajaan bersetuju untuk membina 100,000 unit kediaman di bawah PPA1M di seluruh negara. Inisiatif sebegini menunjukkan keprihatinan Kerajaan kepada penjawat awam.

Dengan melihat kemajuan projek pembinaan PPA1M, Tan Sri Dr. Ali Hamsa yakin sasaran 100,000 unit dibina menjelang Disember 2015 dapat dicapai seperti mana hasrat Kerajaan sebelum ini.

*"Coming together is a beginning. Keeping together is progress.
Working together is success." - Henry Ford*

PROGRAM TRANSHARE TRANSFORMASI PENGURUSAN TERTINGGI JPA

Pada 3 September 2015, telah berlangsung Program *Transshare* Transformasi Pengurusan Tertinggi JPA di Mezzanine, C1, JPA. Sesi pada kali ini dihadiri seramai 61 orang pegawai JPA gred 52.

Program *TranShare* merupakan salah satu program yang dirancang di bawah program pengurusan perubahan, kerangka transformasi JPA. Program ini merupakan platform yang disediakan bertujuan untuk memberi peluang kepada seluruh warga JPA menyalurkan idea dan pandangan berkenaan program transformasi yang sedang dan telah dilaksanakan.

Pada sesi kali ini, Dato' Dr. Ahmad Jailani Muhammed Yunus telah menyentuh tentang pengupayaan bakat kakitangan serta harapan agar Pegawai JPA Gred 52 menjadi penghubung dalam kefahaman berkenaan transformasi.

Beliau juga mengambil kesempatan untuk mendapatkan maklum balas daripada para peserta mengenai isu yang sedang dialami oleh para penjawat awam. Maklum balas yang didapati ialah mengenai sikap penjawat awam yang sukar untuk menerima perubahan. Input yang didapati dalam sesi-sesi seperti ini akan digunakan ke arah penambahbaikan sistem dan proses kerja sedia ada bagi meningkatkan kualiti Perkhidmatan Awam.



MAJLIS PERASMIAN

KURSUS ISTERI PEGAWAI-PEGAWAI TERTINGGI KERAJAAN

Pada 7 September 2015, telah berlangsung Majlis Perasmian Kursus Isteri Pegawai-pegawai Tertinggi Kerajaan di Dewan Baiduri, INTAN Bukit Kiara, Kuala Lumpur. Kursus ini telah dirasmikan oleh Puan Sri Asmahan Ismail, selaku Penggerusi PUSPANITA JPA. Kursus pada kali ini berlangsung selama lima hari dan melibatkan penyertaan 41 orang isteri Pegawai-pegawai Tertinggi Kerajaan.

Puan Sri Asmahan Ismail, dalam ucapan perasmian beliau telah mengingatkan para peserta kursus agar sentiasa menjaga kerahsiaan maklumat rasmi Kerajaan, serta mengikut peraturan yang terpakai kepada penjawat awam. Para peserta juga diingatkan agar pandai menjaga diri, nama baik pasangan, imej Perkhidmatan Awam dan negara. Para peserta kursus juga perlu melengkapkan diri dengan ilmu, pengetahuan dan kemahiran yang sewajarnya seperti protokol dan istiadat, kemahiran berkomunikasi, dan mengikuti isu semasa mengenai Perkhidmatan Awam dan negara.

Akhir sekali, Puan Sri Asmahan Ismail berharap agar para peserta dapat mengikut kursus dengan jayanya.



“Perjalanan seribu batu bermula dari satu langkah” —Lao Tze

LAWATAN ISTERI PEGAWAI-PEGAWAI TERTINGGI KERAJAAN KE JPA



Pada 9 September 2015, JPA telah menerima lawatan daripada 41 orang peserta Kursus Isteri Pegawai-pegawai Tertinggi Kerajaan. Para peserta kursus disambut sendiri oleh Dato' Dr. Ahmad Jailani Muhammed Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi) yang kemudiannya membawa para peserta untuk melihat lobi baharu JPA di samping menerangkan serba sedikit tentang konsep transformasi Lobi.

Selesai lawatan di lobi, peserta kursus kemudiannya berkumpul di Mezzanine untuk dipertontonkan dengan video korporat baharu JPA bagi memberikan pemahaman ringkas mengenai peranan dan fungsi JPA sebagai agensi pusat Perkhidmatan Awam. Selepas itu, Dato' Yeow Chin Keong, Pengarah Bahagian Pasca Perkhidmatan telah berkongsikan pengalaman dan pengetahuan mengenai persaraan kepada para peserta.

Selesai sesi perkongsian, para peserta dibawa untuk melawat Kaunter JPA4U di Lobi C2. Kunjungan mereka diterima oleh Puan Azlina Azman, Ketua Unit NBOS JPA. Puan Azlina membawa para peserta melihat keadaan sekitar kaunter untuk melihat layanan perkhidmatan pelanggan yang diberikan oleh pegawai JPA berdasarkan konsep *1Serve*. Para peserta yang hadir telah menyatakan rasa kagum terhadap kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh JPA yang disifatkan sebagai *first-class*.

LAWATAN DELEGASI PERTUKARAN BELIA MALAYSIA-KOREA SELATAN 2015



Pada 4 September 2015, JPA telah menerima Lawatan Delegasi Pertukaran Belia Malaysia-Korea Selatan 2015. Program ini merupakan aktiviti tahunan di bawah Dasar Pandang ke Timur yang telah dilaksanakan bermula tahun 1995 dan diuruskan oleh Bahagian Pembangunan Modal Insan di JPA. Delegasi lawatan tersebut terdiri daripada 13 orang pegawai Kerajaan Korea Selatan yang terlibat dalam pembangunan belia di negara dan mereka akan berada di Malaysia bermula dari 2 September 2015 sehingga 11 September 2015.

Objektif program tersebut adalah untuk memberi peluang kepada para pegawai kerajaan dan pemimpin belia dari Korea Selatan mempelajari dan menghayati budaya dan nilai-nilai positif masyarakat Malaysia serta memahami aspek pentadbiran Kerajaan Malaysia. Selain itu, program tersebut juga menjadi pemangkin kepada jalinan hubungan rapat yang sedia wujud antara Malaysia dan Korea Selatan.

Para delegasi telah dibawa melawat Lobi C1 JPA, sebelum dibawa untuk mendengar taklimat korporat dan sesi perbincangan. Puan Sugumari a/p Shanmugam, Timbalan Pengarah, Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Dasar merupakan Pengurus yang mewakili JPA. Antara topik perbincangan ialah mengenai urusan kenaikan pangkat, pembangunan modal insan, insentif saraan dan faedah serta kaedah untuk menarik ramai golongan muda untuk menyertai Perkhidmatan Awam.



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Blok C1-C3, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 W.P. Putrajaya, Malaysia | Telefon: 603 8000 8000

Sumbangan Berita: Warga JPA | Penerbitan: Pasukan Komunikasi | Percetakan: Unit Dokumentasi, JPA